



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


31 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,594 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **147,843 kes**. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lima (5) kes di Kota Kinabalu, empat (4) kes di Penampang manakala Lahad Datu, Tawau, Beaufort, Beluran, Tenom dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 2,551 menjadikan jumlah kumulatif 114,929 orang. Seramai 4,896 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,539 orang di hospital, 3,298 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 51 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 219 orang merangkumi 137 di ICU/*repurposed kritikal care* serta 82 di open war (HDW/*kubikel akut*) dan 81 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Hari ini ialah Hari Kebangsaan Malaysia yang disambut dan diraikan setiap tahun. Tetapi dalam perperangan kita melawan pandemik COVID-19, belum ada yang kita boleh raikan hari ini. Selepas kes harian turun dua hari berturut-turut, ia naik semula hari ini sebanyak (+284) kes, menjadikan jumlah baharu keseluruhan adalah (2,594) kes berbanding (2,310) kes yang dicatatkan semalam (30 Ogos 2021)
- b. Jumlah kes di Papar naik mendadak kepada 264 (+215) kes daripada (49) kes sahaja semalam, Sandakan menambah (+68) kes, Putatan naik (+37) kes, Penampang dan Kota Kinabalu masing-masing menambah (+31) kes. Bagaimana pun, Daerah Tuaran turun (-103) kes, Kota Belud (-22) kes, dan Kinabatangan (-24) kes.
- c. Walaupun Saringan Kontak Rapat masih penyumbang utama kepada kes-kes baharu iaitu (1,573) kes atau 60.6%, tetapi jumlah yang diperolehi daripada Saringan Bergejala meningkat kepada (787) kes atau 30.3% berbanding (680) kes atau 29.4% semalam. Kes dalam kategori ini adalah dianggap kes-kes sporadik, yakni pembawa/punca virus sukar dikenalpasti mahu pun dari tempat mana asalnya dijangkiti. Ini menandakan bahawa virus sudah pun berada dalam komuniti.
- d. Kes-kes sporadik ini sering dikaitkan dengan kegagalan atau kecuaian mematuhi SOP serta amalan penjagaan kesihatan diri yang tidak sempurna. Peratusan kes daripada kategori ini agak tinggi di beberapa daerah kalau kita ambil statistik hari ini sebagai petunjuk; Tawau 44.6%, Penampang 41.4%, Putatan 38.5% dan Kota Kinabalu 31.9%.
- e. Daripada (2,594) kes hari ini, (1,938) kes atau 74.7% pesakit adalah dalam Kategori 2, (564) kes atau 21.7% dalam Kategori 1, (15) kes dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan (12) kes dalam kategori 5. (61) kes pesakit lagi masih dalam siasatan.

- f. Sabah sedang menghampiri angka 40% jumlah penduduk dewasa yang telah melengkapkan pengambil dos vaksin. Setakat jam 3 petang ini (31 Ogos 2021), seramai 39.0% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi dos vaksin yang lengkap dan 58.4% telah pun mengambil satu dos.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,573) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- h. Selamat menyambut Hari Kebangsaan 2021.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	40	1.5%
2	Bergejala	787	30.3%
3	Kontak	1,573	60.6%
4	Bersasar	3	0.1%
5	Lain-lain	191	7.4%
JUMLAH		2,594	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/08/2021	Catatan Kes 31/08/2021	Perbandingan
1	Papar	49	264	+215
2	Sandakan	252	320	+68
3	Putatan	44	81	+37
4	Kota Kinabalu	536	567	+31
5	Penampang	237	268	+31
6	Keningau	113	138	+25
7	Tawau	148	168	+20
8	Beaufort	25	41	+16
9	Lahad Datu	80	95	+15
10	Kunak	8	22	+14
11	Kudat	16	24	+8
12	Ranau	37	41	+4
13	Pitas	21	25	+4
14	Tambunan	6	10	+4
15	Tenom	47	49	+2
16	Beluran	19	21	+2
17	Tuaran	259	156	-103
18	Kinabatangan	50	26	-24
19	Kota Belud	98	76	-22
20	Sipitang	38	20	-18
21	Kota Marudu	95	81	-14
22	Nabawan	40	30	-10
23	Telupid	42	33	-9
24	Tongod	15	7	-8
25	Semporna	10	8	-2
26	Kalabakan	14	13	-1
27	Kuala Penyu	11	10	-1
JUMLAH		2,310	2,594	+284

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (17 Ogos - 30 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	374	181	0	12	567	8,462
Sandakan	1	90	118	1	110	320	3,214
Penampang	0	143	111	0	14	268	4,221
Papar	0	209	52	0	3	264	2,290
Tawau	0	81	75	0	12	168	2,936
Tuaran	0	121	26	0	9	156	3,383
Keningau	0	98	35	0	5	138	1,539
Lahad Datu	25	49	20	0	1	95	1,462
Kota Marudu	0	69	12	0	0	81	896
Putatan	0	44	32	0	5	81	1,220
Kota Belud	0	52	23	1	0	76	1,123
Tenom	0	37	10	1	1	49	547
Ranau	2	32	5	0	2	41	611
Beaufort	0	25	14	0	2	41	737
Telupid	0	31	2	0	0	33	630
Nabawan	5	14	5	0	6	30	409
Kinabatangan	7	9	9	0	1	26	1,004
Pitas	0	19	5	0	1	25	433
Kudat	0	11	10	0	3	24	402
Kunak	0	17	5	0	0	22	324
Beluran	0	13	8	0	0	21	478
Sipitang	0	6	12	0	2	20	864
Kalabakan	0	8	5	0	0	13	343
Kuala Penyu	0	7	2	0	1	10	117
Tambunan	0	7	3	0	0	10	142
Semporna	0	0	7	0	1	8	132
Tongod	0	7	0	0	0	7	481
JUMLAH	40	1,573	787	3	191	2,594	38,400

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Nabawan	Kluster Lima	4
	Kluster Sarikan	1
Lahad Datu	Kluster Sawit Jeroco	25
Sandakan	Kluster Lebuh Empat	1
Ranau	Kluster Nasakot	2
Kinabatangan	Kluster Pin Supu	1
	Kluster Sawit Sukau	1
	Kluster Sungai Pin 3	1
	Kluster Tangkuyan	4
JUMLAH		40

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Nasakot - Ranau** adalah kluster jenis komuniti yang berlaku di Kg Nasakot, Ranau. Kes indeks adalah wanita, 40, yang membawa anak yang juga pesakit Talasemia dan dikesan positif (RTK-Ag) semasa saringan pra-kemasukan wad pada 20 Ogos 2021. Siasatan awal mendapati, kes indeks membawa anaknya untuk transfusi di Hospital Ranau pada 03 Ogos 2021 dan saringan kemasukan wad adalah negatif. Oleh itu, mereka telah dibenarkan keluar pada 05 Ogos 2021 dan hanya berada di rumah sejak 06 Ogos 2021. Namun, pada 12 Ogos 2021 kes indeks mula menunjukkan gejala demam, selesema, hilang deria rasa dan bau. Tidak endah dengan simptom, pada 14 Ogos 2021, kes indeks telah menghadiri majlis pengebumian ahli keluarga yang berlanjutan selama tujuh hari bersama-sama hampir keseluruhan penduduk Kg Nasakot. Saringan kontak rapat telah dijalankan pada 21 hingga 23 Ogos 2021 dan berjaya mengesan empat (4) kontak rapat yang menjadi sub-indeks untuk kes-kes seterusnya.

Perkumpulan beramai-ramai semasa majlis pengebumian ini mencetus penularan wabak dalam komuniti Kg Nasakot dan Kg Tanid di Mukim Malinsau. Daripada 95 kontak yang disaring, 31 individu dikesan positif dalam kluster ini termasuk dua (2) kes baharu hari ini.

ii **Kluster Sawit Jeroco - Lahad Datu** dikesan berlaku di Mukim Segama dalam kategori tempat kerja. Kes indeks adalah pekerja kilang, lelaki, 27, yang disahkan positif COVID-19 di klinik swasta pada 26 Ogos 2021 selepas bergejala sejak 25 Ogos 2021. Pihak pengurusan kilang dan klinik panel telah melakukan saringan kontak dan saringan bersasar mulai 26 hingga 28 Ogos 2021. Daripada 215 kontak yang disaring, 57 individu didapati positif termasuk 25 kes baharu hari ini, manakala 194 individu negatif saringan pertama. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke CAC Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan. Kontak-kontak rapat pula telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di ladang tersebut. Kebanyakan kes adalah dalam kalangan bukan warganegara yang masih belum menerima vaksin. Punca jangkitan masih dalam siasatan.

7

Jumlah kapasiti katil 7,059 unit

- Hospital 1,567 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,820 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 69.24%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 31 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,582
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	4
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	2,594

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Johor	1
Sarawak	1
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,314
Bukan Malaysia	280
Jumlah	2,594

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	773
Belum Menerima Vaksin	831
Menerima 1 Dos	341
Lengkap 2 Dos	649
Jumlah	2,594

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	39
1 to 5	218
6 to 17	516
18 to 59	1,597
>60	224
Jumlah	2,594

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 31 Ogos 2021)
1	Tawau	27
2	Kota Kinabalu	13
3	Penampang	11
4	Kota Belud	8
5	Tuaran	7
6	Beluran	5
7	Kinabatangan	5
8	Lahad Datu	5
9	Papar	5
10	Ranau	5
11	Telupid	5
12	Kudat	4
13	Sipitang	4
14	Beaufort	2
15	Keningau	2
16	Kota Marudu	1
17	Sandakan	1
JUMLAH		110

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Ranau <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Narawang • Kampung Mininsalu Baru (Pasir Putih) 	2 September 2021	15 September 2021

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Ria Height, Tawau	1 September 2021	Dilanjutkan dari 2 September 2021 sehingga 15 September 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Payas-payas, Kota Belud	19 Ogos 2021	Ditamatkan pada 1 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Dua (2) lokaliti di Penampang <ul style="list-style-type: none">• Beverly Hills Fasa 3• Regency Park	19 Ogos 2021	Ditamatkan pada 1 September 2021 seperti yang dijadualkan
	Dua (2) lokaliti di Sipitang <ul style="list-style-type: none">• Kampung Iburu• Kampung Meligan	19 Ogos 2021	Ditamatkan pada 1 September 2021 seperti yang dijadualkan

	Kompleks Baiduri Ayu, FELDA Sahabat 9, Lahad Datu	19 Ogos 2021	Ditamatkan pada 1 September 2021 seperti yang dijadualkan
	Perumahan Pekerja Ladang Moynod 1, Beluran	19 Ogos 2021	Ditamatkan pada 1 September 2021 seperti yang dijadualkan
	Kampung Kulambai, Kampung Kulambai Kupang & Kampung Kulambai Dundau Kota Belud	22 Ogos 2021	Ditamatkan pada 1 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (4 September 2021)

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **18,442** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,544,454 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **18,709** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,011,871 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 8,617 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,598,112 (Mysejahtera 1,517,472 : Laman Web 80,294 : Talian Vaksinasi 346) bersamaan 57.9%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **491,554** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang

terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I **LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 165 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,209 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 146 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 40 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Enam (6) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Dua (2) Orang : Pergerakan Masuk Dan Keluar Kawasan PKPD
 - Sembilan (9) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - 10 Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal sediakan Peralatan saringan suhu/tidak Berfungsi
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 77 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 985 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan penjaga/pekerja gagal memakai pelitup muka. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 278 premis perniagaan dan 302 individu di 18 kawasan. Sepuluh (10) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran dia Pasar Buah-buahan Kota Kinabalu (3 Orang), Pasar Besar Kota Kinabalu (1 Orang), Rich Trading Pekan Inanam (1 Orang), Of Phone Pekan Inanam (1 Orang), Golden Fish Inanam Kedai Kopi Loi Hing (1 Orang), Kasih Lasa Enterprise Pekan Inanam (1 Orang) dan S & A Sweet Corner Enterprise (1 Orang). Kesalahan individu gagal membuat imbasan suhu badan di Jalan Tun Fuad Stephen Hadapan SICC (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 305 Premis Perniagaan melibatkan 172 anggota APM. Sebanyak 11 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 12 premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 234 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 149 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	96.5%
2	Sipitang	96%
3	Beaufort	96%
4	Papar	96%
5	Kota Kinabalu	96%
6	Tenom	95.5%
7	Kudat	95.5%
8	Ranau	95.5%
9	Kunak	95.5%
10	Keningau	95%
11	Kota Belud	95%
12	Kota Marudu	95%
13	Tawau	95%
14	Semporna	95%
15	Lahad Datu	95%
16	Beluran	95%
17	Kinabatangan	95%
18	Penampang	94%
19	Sandakan	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**